



**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**MIDF TITIKBERAT PENDIDIKAN DALAM MELAKSANAKAN  
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT**

**Chuping, Perlis, 2 Mei 2019** – Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) hari ini menyerahkan sebanyak RM135,900 daripada zakat perniagaannya sebagai sumbangan amal kemasyarakatan sempena Program CSR MIDF-MAIPs 2019 bertempat di Batu Bertangkup, Perlis.

Tahun ini MIDF telah memperuntukkan sumbangan zakat bernilai RM135,900 dalam bentuk wang tunai bagi pembiayaan operasi Pusat Tuisyen MIDF-MAIPs-JPN Perlis termasuk elaun tenaga pengajar, makan minum serta pengangkutan untuk murid-murid yang terlibat. Semua kos operasi Pusat Tuisyen tersebut ditanggung sepenuhnya oleh MIDF manakala MAIPs bertanggungjawab dalam pengurusan asnaf dan aspek kewangan, manakala JPN Perlis bertanggungjawab menguruskan jadual tenaga pengajar dan soal pembelajaran.

Pengarah Urusan Kumpulan MIDF Dato' Charon Mokhzani berkata, "Pendidikan merupakan tema utama inisiatif tanggungjawab sosial korporat Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF). Projek ini telah dijalankan dengan objektif utama iaitu memastikan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan tidak ketinggalan dalam mata pelajaran masing-masing dan memperoleh kejayaan dalam akademik. Kami ingin menerapkan kriteria positif dan jati diri di dalam setiap pelajar agar mereka terus berusaha keras demi masa depan yang cemerlang dan bukan menjadikan kemiskinan dan kesusahan sebagai alasan untuk gagal."

Untuk makluman, misi utama pusat tuisyen ini adalah untuk memberikan perkhidmatan bimbingan pelajaran kepada 40 orang pelajar Tahun 5 dan 40 orang Tahun 6 (UPSR) yang terdiri daripada golongan asnaf terpilih merangkumi lima buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Batu Bertangkup, Sekolah Kebangsaan Bukit Keteri, Sekolah Kebangsaan Seri Tunjong, Sekolah Kebangsaan Panggas dan Sekolah Kebangsaan Beseri.

Pusat Celik Minda MIDF-MAIPs-JPN Perlis telah dirasmikan pada tahun 2015 oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis selaku Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

### **Mengenai MIDF**

MIDF ditubuhkan pada tahun 1960 sebagai hasil daripada kajian oleh Bank Dunia. MIDF adalah institusi pembangunan utama negara dan telah memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pembangunan dan pemodenan industri perkilangan negara.

MIDF kini menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan dan Pengurusan Aset.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Irmawati Mahamad Tahir**

Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 492 3707

Emel: [irmawati@midf.com.my](mailto:irmawati@midf.com.my)

#### **Farrash Hasbollah**

Associate Director, Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (019) 661 3535

Emel: [farrash@midf.com.my](mailto:farrash@midf.com.my)

#### **Noorfazilah Rebatin**

Eksekutif, Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8753

Faks: (03) 2173 8499

HP: (017) 2300 943

Emel: [noorfazilah@midf.com.my](mailto:noorfazilah@midf.com.my)